



DPB UNTUK PERTUMBUHAN SEIMBANG DAN AGIHAN SAKSAMA

Matlamat:

- Capai pembangunan ekonomi
- Wujudkan negara bersatu padu
- Pembahagian kekayaan yang adil

*BERIKUT ialah kata pendahuluan
oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Dr.
Mahathir Mohamad*



TAHUN 1990 menandakan berakhirnya Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1), 1971-90 dan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Sepanjang dua dekad yang lepas di bawah DEB, ekonomi Malaysia telah berkembang dengan pesatnya walaupun telah menghadapi pelbagai cabaran sama ada dari dalam ataupun luar negeri.

Kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi bersama-sama dengan berkurangnya kadar kemiskinan serta kemajuan dalam penyusunan semula masyarakat telah memperkukuhkan lagi asas negara untuk membangun secara berterusan dan memantapkan lagi perpaduan negara.

Hasil daripada kemajuan ini, masalah kemiskinan, pengangguran dan ketidakseimbangan ekonomi telah menjadi kurang serius dan lebih terkawal berbanding dengan kedudukan di masa-masa lampau.

kan satu syarat terpenting bagi membolehkan ekonomi negara terus maju ke arah mencapai tahap perindustrian yang lebih tinggi.

Justeru itu, dasar - dasar kerajaan dalam pengurusan ekonomi negara akan ditumpukan ke arah menggalakkan perkembangan pesat pengusahaan swasta dan mempertingkatkan keupayaan pertumbuhan ekonomi dengan cara memperluaskan program sektor awam dalam bidang pembangunan sumber manusia dan peningkatan kemudahan infrastruktur negara.

Kerajaan amat yakin bahawa dengan peluang yang akan diadakan, sektor swasta akan terus menyambut seruan ini untuk memainkan peranan yang lebih aktif ke arah mencapai matlamat negara.

Malaysia adalah sebuah negara yang unik kerana ia merupakan satu - satunya negara di dunia ini, yang dalam tempoh dua dekad, telah berjaya mewujudkan satu perubahan corak sosio-ekonomi masyarakat yang telah membolehkan rakyatnya mendapat manfaat daripada pembangunan dan menikmati taraf hidup yang lebih baik.

Sungguhpun terdapat pendapat - pendapat yang meragui strategi pembangunan di bawah DEB, kita telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan dari segi pengagihan pendapatan tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Walaupun kita bangga dengan pencapaian tersebut, kita seharusnya tidak boleh berpuas-hati dengan apa yang telah dicapai setakat ini. Kita perlu meneruskan usaha yang gigih untuk menghapuskan saki - baki ketidakseimbangan sosio-ekonomi di kalangan kaum serta menghapuskan kemiskinan bagi mendirikan asas yang lebih kukuh untuk perpaduan negara.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), 1991-2000 yang mengandungi Dasar Pembangunan Baru (DPB) menandakan bermulanya satu era baru di dalam usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju daripada semua segi menjelang tahun 2020.

Matlamat DPB adalah untuk mencapai pembangunan ekonomi bagi mewujudkan sebuah negara yang lebih bersatupadu dan adil.

DPB adalah berasaskan kepada pencapaian dan pengalaman dalam dekad-dekad yang lampau dan akan meneruskan lagi proses pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Dasar ini akan dilaksanakan berasaskan kepada prinsip pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama untuk mencapai keadilan pengagihan bagi semua lapisan masyarakat.

Perlu ditekankan bahawa pencapaian matlamat dan sasaran RRJP2 dan DPB bergantung kepada pertumbuhan ekonomi yang stabil dan berterusan. Melalui pertumbuhan, negara akan dapat mengekalkan tahap pembangunannya dan mewujudkan peluang serta sumber - sumber tambahan yang diperlukan untuk mencapai matlamat pengagihan.

Kerajaan akan terus bersikap fleksibel dan pragmatik dalam melaksanakan dasar dan programnya bagi mewujudkan satu iklim yang baik untuk pelaburan swasta dan meningkatkan eksport. Pendekatan sedemikian merupa-

Pada masa yang sama kerajaan mempertingkatkan usahanya untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan mengambil tindakan ke atas masalah kemiskinan relatif yang semakin ketara

RRJP2 mengandungi satu unjuran yang optimis tentang mengurangkan kadar kemiskinan berikutan pertumbuhan ekonomi dan tahap gunatenaga yang lebih tinggi di negara ini. Memandangkan kemiskinan mutlak tidak lagi menjadi masalah yang besar, kita akan menumpukan perhatian kepada usaha menyelesaikan masalah golongan termiskin, yang sebenarnya hanya melibatkan sejumlah isi rumah yang agak kecil.

Pada masa yang sama, kerajaan akan mempertingkatkan usahanya untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan mengambil tindakan ke atas masalah kemiskinan relatif yang semakin ketara sebagai sebahagian penting daripada strategi untuk terus memperbaiki pengagihan pendapatan di negara ini.

Kita masih belum sampai ke peringkat pembangunan di mana ketidakseimbangan antara kaum tidak lagi wujud. Justeru itu, adalah penting diteruskan pelaksanaan strategi penyusunan semula masyarakat terutamanya ke arah mencapai matlamat mempertingkatkan penglibatan masyarakat bumiputera dalam sektor moden ekonomi negara.

Di bawah DPB, perubahan - perubahan akan dibuat terhadap cara melaksanakan strategi ini dengan mengambilkira kelemahan - kelemahan pendekatan yang lalu dan juga kemajuan yang telah dicapai. Apa yang lebih penting di dalam strategi penyusunan semula masyarakat bukanlah setakat pencapaian matlamat kuantitatif yang khusus tetapi bagi meningkatkan keupayaan bumiputera untuk mewujudkan kekayaan dan menguruskannya.

Oleh yang demikian, aspek - aspek penyusunan semula masyarakat inilah yang akan diberi keutamaan di bawah DPB, khususnya melalui program pembangunan sumber manusia di dalam bidang pendidikan, latihan dan penerapan sistem nilai yang baik.

Negara kita sangat bertuah kerana ia sedang memasuki fasa pembangunannya yang berikut dengan mempunyai asas ekonomi yang teguh. Walaupun prospek pertumbuhan ekonomi adalah cerah, kita mesti bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Dengan kesejagatan ekonomi dunia dan perubahan - perubahan pesat yang berlaku di persekitaran ekonomi antarabangsa, ketahanan ekonomi Malaysia hendaklah dipertingkatkan lagi bagi menghadapi cabaran - cabaran ini. Ketahanan ekonomi hanya boleh diwujudkan melalui tahap produktiviti dan kecekapan yang lebih tinggi di samping pewujudan asas industri yang lebih luas.

Memandangkan peranan perindustrian semakin penting dalam ekonomi, sistem nilai dan sikap juga hendaklah berubah untuk memenuhi keperluan sebuah ekonomi yang semakin berasaskan industri. Kita mestilah bekerja lebih gigih lagi dan mendisiplinkan diri kita sendiri untuk mencapai daya saing yang berterusan dalam ekonomi dunia.

Mutu dan kecemerlangan hendaklah menjadi tunggak negara kita. Nilai - nilai sedemikian bersama - sama dengan nilai moral

dan kerohanian yang tinggi akan membolehkan Malaysia mencapai matlamat - matlamat RRJP2 dan menapak ke hadapan untuk menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020.

Penggubalan RRJP2 melibatkan perundingan yang meluas dengan pihak - pihak di sektor awam dan sektor swasta. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kerajaan kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) yang telah mengetuai berbagai agensi kerajaan dalam menyediakan pelan ini dan juga kepada beberapa organisasi termasuk institusi - institusi antarabangsa yang telah memberikan pandangan dan cadangan yang membina.

Selaras dengan semangat Persyarikatan Malaysia, kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta ini perlu diteruskan bagi membolehkan tercapainya matlamat RRJP2.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) di atas sumbangan mereka. Walaupun tidak semua perakuan - perakuan mereka diterima, buah fikiran dan cadangan mereka adalah berguna kepada kerajaan.

Dengan persefahaman dan sokongan semua rakyat Malaysia yang berfikiran waras, Insya-Allah, RRJP2 akan membolehkan Malaysia melangkah setapak lagi ke arah mencapai matlamat sebuah negara yang maju.